



MENTERI SUMBER MANUSIA UMUM NATIONAL TRAINING WEEK (NTW) 2024

Minggu berfokuskan latihan bertujuan menanam budaya pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan rakyat Malaysia melalui peluang pembangunan kemahiran dan pengetahuan percuma.

Kuala Lumpur, 24 Januari 2024 – Menteri Sumber Manusia, Yang Berhormat Steven Sim Chee Keong, hari ini mengumumkan tarikh National Training Week (NTW) 2024 dalam majlis bertempat di Hotel Hilton, Kuala Lumpur. Majlis tersebut juga dihadiri Yang Berbahagia Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia yang baru dan Datuk Dr. Syed Hussain Syed Husman, Presiden Persatuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF).

Dianjurkan oleh HRD Corp di bawah naungan Kementerian Sumber Manusia, NTW merupakan satu minggu yang penuh dengan acara latihan serta aktiviti yang menghimpunkan organisasi dan individu dari pelbagai latar belakang dan industri untuk mengalami peluang pembelajaran dan Pembangunan di seluruh negara. Latihan ditawarkan oleh rakyat Malaysia untuk rakyat Malaysia secara percuma di pelbagai lokasi serta melalui pelbagai mod dan platform pembelajaran.

NTW 2024, yang akan berlangsung sepanjang 24 hingga 30 Jun 2024, merupakan kesinambungan kepada NTW 2023 yang mendapat sambutan amat menggalakkan. Diadakan pada Mei tahun lalu, NTW yang dilancarkan buat pertama kali itu telah melebihi hampir semua sasaran awal pelaksanaan apabila berjaya menyediakan lebih dari 21,000 kursus latihan percuma kepada lebih daripada 129,000 rakyat Malaysia di samping mencatatkan lebih daripada 503,000 jam latihan.

Pada tahun ini, Kementerian Sumber Manusia dan HRD Corp akan sekali lagi mengambil tanggungjawab dalam menggerakkan pentas pembangunan modal insan tempatan, meneraju NTW 2024. Dengan mengekalkan matlamat yang sama untuk menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan rakyat Malaysia, NTW 2024 menetapkan sasaran lebih besar dengan 150,000 pendaftaran di seluruh negara, dengan tumpuan yang lebih besar kepada program latihan percuma dalam lima (5) teras: kemahiran hidup, kemahiran masa depan, kreativiti dan inovasi, kewangan, dan pembangunan mampan. Teras ini dipilih berdasarkan keperluan bakat dan industri Malaysia.

Dalam ucapannya, YB Steven Sim berkata: "Setiap tahun, HRD Corp memberi manfaat kepada 82,000 PKS daripada 1.2 juta PKS di Malaysia. Oleh itu, kami mahu PKS yang lain

UNTUK SIARAN SEGERA

24 JANUARI 2024

yang tidak berdaftar untuk turun mendapat manfaat pada minggu latihan kebangsaan ini. NTW yang diadakan pada tahun lepas telah melatih lebih 129,000 rakyat Malaysia menerusi pelbagai kursus latihan dengan rekod jam latihan lebih 503,000 jam."

Untuk NTW 2024, beliau mensasarkan untuk mencapai sekurang-kurangnya 150,000 pendaftaran sepanjang minggu. Pada masa yang sama, beliau turut berharap agar NTW akan memberi tumpuan kepada kualiti latihan yang disediakan dan menetapkan standard emas untuk industri latihan

Sementara itu, Ketua Eksekutif HRD Corp, Datuk Wira Shahul Dawood berkata, ketika HRD Corp memperkenalkan NTW tahun lalu, organisasi tersebut memiliki satu tujuan utama; untuk memberikan akses kepada peluang pembelajaran dan pembangunan percuma kepada semua rakyat Malaysia, tanpa memandangkan latar belakang, usia, kemahiran, pengalaman, atau pengetahuan mereka.

"Saya bangga menyatakan, keberhasilan inisiatif ini dapat dicapai dengan sokongan, komitmen, dan dedikasi daripada semua pihak sama ada dari kementerian, agensi kerajaan, institusi pendidikan, organisasi masyarakat, majikan berdaftar, pelatih, penyedia pelatih, dan lain-lain.

"Terima kasih atas sokongan anda. Saya berharap anda sudi bekerjasama dengan kami lagi tahun ini demi memastikan program pembelajaran dan pembangunan yang lebih tinggi impaknya untuk semua rakyat Malaysia," ujarnya.

Semasa majlis tersebut, Menteri Sumber Manusia dan Ketua Eksekutif HRD Corp juga turut menyampaikan sijil penghargaan kepada 15 Rakan Acara Satelit Utama serta enam Rakan Pembelajaran Maya NTW 2023*. Sijil tersebut merupakan tanda penghargaan kepada rakan strategik yang aktif menyumbang kepada kejayaan NTW 2023.

HRD Corp kini sedang aktif mencari rakan kongsi dan kolaborator untuk NTW 2024. Pihak yang berminat boleh menghubungi HRD Corp menerusi e-mel: taskforce@nationaltrainingweek.gov.my atau laman web <https://www.nationaltrainingweek.gov.my/>

-TAMAT-

Mengenai Human Resource Development Corporation (HRD Corp):

Human Resource Development Corporation (HRD Corp) ditubuhkan pada tahun 1993 dengan dikenali sebagai Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM). Ia kemudian diperbadankan menjadi Pembangunan Sumber Manusia Berhad pada melalui penggubalan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001.

UNTUK SIARAN SEGERA

24 JANUARI 2024

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia, HRD Corp bertanggungjawab terhadap pungutan levi dari industri utama serta pengeluaran geran latihan melalui mekanik dalamannya yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) atau Human Resources Development Fund (HRDF).

Pada April 2021, HRDF telah dijenamakan semula kepada HRD Corp. Perubahan nama ini adalah cerminan tanggungjawab, arah dan misi organisasi yang baharu. Ini termasuk memperluas usaha peningkatan kemahiran dan kemahiran semula pekerja kepada semua majikan dan individu warga Malaysia; di samping memberi peluang menjana pendapatan kepada semua komuniti yang memerlukan.

Transformasi ini sejajar dengan cita-cita HRD Corp untuk memacu aspirasi pengembangan bakat tempatan untuk jangka panjang.

Untuk maklumat lanjut, sila layari – www.hrdcorp.gov.my.